

Program sukarelawan banjir jadi KPI KBS

Oleh NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM
amir.azam@kosmo.com.my

KEMAMAN - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan menjadikan program Sukarelawan Belia 1Malaysia Pasca Banjir sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam menggalakkan golongan belia melakukan kerja kesukarelawan.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, melalui program berkenaan, pihaknya boleh mengukur jumlah sumbangan tenaga golongan belia dalam tugas-tugas sukarelawan.

Jelasnya, KBS berpuas hati dengan jumlah pendaftaran seramai 1,500 belia yang mendaftar sebagai sukarelawan di seluruh negara termasuk lebih 1,000 yang mendaftar di Kemaman sejak program tersebut dilancarkan kelmarin.

Ahmad Shabery yang juga Ahli Parlimen Kemaman berkata, pada peringkat awal, pihaknya menyasarkan 3,000 sukarelawan akan mendaftar dalam program tersebut.

"Contohnya, di Australia, sebanyak lima juta mendaftar sebagai sukarelawan sekali gus menyumbang 700 juta jam dalam kerja-kerja sukarelawan. Ia boleh menjadi KPI baharu kepada kementerian," katanya selepas majlis Bayaran Elaun Sara Hidup Secara Tunai Persatuan kawasan Kemaman di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan



AHMAD SHABERY (dua dari kiri) menyampaikan bayaran elaun sara hidup kepada nelayan di Kompleks LKIM Kemaman semalam.



KERATAN Kosmo! semalam.

Malaysia (LKIM) di sini semalam.

Pada majlis berkenaan, seramai 453 golongan nelayan kawasan Kemaman menerima elaun sara hidup sebanyak RM200 bagi meringankan beban me-

reka terutama semasa musim tengkujuh dan banjir.

Ahmad Shabery menambah, sukarelawan dari luar Kemaman terutama golongan belia yang menghulurkan bantuan juga mencetuskan fenomena baharu.

Katanya, ia mencetuskan sikap murni dalam kalangan belia kerana bersedia membantu mereka yang dilanda bencana banjir.

"Ini menunjukkan wujud sikap ingin memberi, bukan setakat menerima sahaja dalam kalangan belia dan merupakan ciri-ciri baik untuk negara. Walaupun sebelum ini sudah ada sikap sebegini tetapi kali ini respons yang diberikan begitu pantas," katanya.